




ZALIZA (kiri) menerangkan salah satu spesies orkid kepada pengunjung pameran dan jualan orkid pada Ekspo Pertanian sempena Majlis Konvokesyen UPM ke-37 di Serdang, Selangor semalam.



MOHD. PAUZI (kanan) memberi penerangan mengenai ikan laga kepada beberapa pelajar sekolah yang berkunjung ke Ekspo Pertanian UPM.

Lelong orkid pada hari terakhir ekspo pertanian UPM

SERDANG - Acara lelongan bunga orkid yang diadakan pada hari terakhir Ekspo Pertanian sempena Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-37 di Bukit Ekspo di sini semalam mendapat sambutan pengunjung.

Penolong Pegawai Pertanian UPM, Zaliza Mahad berkata, ia mendapat sambutan dalam kalangan peminat bunga tersebut pada sesi lelongan yang bermula kira-kira pukul 12.30 tet-

ngah hari dan berakhir pukul 4.30 petang.

Katanya, sebanyak 500 pasu bunga orkid telah berjaya dijual.

"Kebanyakan pokok yang dijual dan dipamerkan sepanjang Ekspo Pertanian ini merupakan orkid hibrid atau kacukan

hasil penyelidikan UPM sendiri.

"Antara jenis orkid yang dilelong termasuk dendobium, aranda, mokara dan kagawara," katanya ketika ditemui di sini.

Ekspo Pertanian sempena Majlis Konvokesyen UPM ke-37 itu bermula pada 25 Oktober lalu dan berakhir semalam.

Menurutnya lagi, pada hari terakhir itu, peminat orkid berpeluang untuk membeli bunga tersebut pada harga yang amat berpatutan berbanding hari-hari sebelumnya.

Jelasnya, pihaknya menjual pokok orkid pada harga potongan sebanyak 20 peratus daripada harga jualan biasa.

"Pada sesi lelongan tersebut, pengunjung berpeluang membeli po-

kok orkid hibrid atau kacukan pada harga RM20 bagi tiga pasu, berbanding harga jualan biasa sebanyak RM10 untuk satu pasu," ujarnya.

Zaliza memberitahu, sepanjang pameran orkid tersebut, pengunjung turut berpeluang untuk mempelajari teknik tanaman dan penjagaan pokok orkid daripada pakar di UPM.

Sementara itu, aktiviti pameran ikan laga atau nama saintifiknya, betta turut mendapat sambutan pengunjung ekspo berkenaan.

Pengerusi Kelab Betta Taman

Pertanian Universiti UPM, Mohd. Pauzi Abdul Karim berkata, ikan laga terutamanya jenis halfmoon kini semakin diminati orang ramai.

"Sepanjang berlangsungnya ekspo ini, sebanyak 2,000 ikan laga telah dijual pada harga antara RM5 hingga RM30 seekor bergantung pada jenis ikan," katanya.

Menurut Mohd. Pauzi, ikan laga kini bukan sekadar hobi tetapi boleh menjadi perniagaan begitu menguntungkan kerana ia mempunyai peminat tersendiri.

